



## **DASAR LANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)**

### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan menetapkan dasar dan prosedur lantikan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi memastikan struktur kepimpinan pelajar sentiasa lengkap, teratur dan berfungsi dengan berkesan di peringkat institusi.

### **2. LATAR BELAKANG**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan badan perwakilan rasmi pelajar yang berperanan sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan institusi. Kebiasaannya, ahli MPP dipilih melalui proses temuduga pelajar yang memohon melalui iklan yang di keluarkan oleh pihak pengurusan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, pihak pengurusan institusi boleh membuat lantikan secara polisi bagi memastikan kelancaran pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti pelajar.

### **3. TAKRIFAN**

Lantikan ini merujuk kepada pelantikan Ahli MPP yang dibuat oleh pihak pengurusan institusi tanpa melalui proses pilihan raya pelajar, berdasarkan keperluan tertentu dan kepentingan organisasi pelajar.

### **4. TUJUAN LANTIKAN MPP**

- a) Mengisi kekosongan jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar.
- b) Mengukuhkan struktur organisasi MPP.
- c) Menyediakan wakil tambahan bagi program, kursus atau bidang tertentu.

d) Memastikan kelancaran pelaksanaan program dan aktiviti pelajar.

## **5. KUASA MELANTIK**

Kuasa melantik Ahli MPP adalah terletak pada Pengarah Institusi / Ketua Institusi dengan perakuan daripada Unit Hal Ehwal Pelajar atau jawatankuasa berkaitan.

## **6. KRITERIA PELANTIKAN**

- a) Merupakan pelajar aktif institusi.
- b) Mempunyai rekod disiplin yang baik.
- c) Menunjukkan potensi kepimpinan serta komitmen terhadap aktiviti pelajar.
- d) Mendapat sokongan atau perakuan daripada pihak berkaitan.

## **7. TEMPOH PELANTIKAN**

Tempoh lantikan Ahli MPP adalah sehingga tamat sesi MPP semasa atau mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak pengurusan institusi.

## **8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

- a) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai wakil pelajar.
- b) Membantu menjayakan program serta aktiviti yang dianjurkan oleh institusi.
- c) Menjadi penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan institusi.
- d) Mematuhi segala peraturan serta dasar yang ditetapkan oleh institusi.

## **9. PENUTUP**

Pelaksanaan garis panduan ini diharap dapat memastikan struktur Majlis Perwakilan Pelajar sentiasa mantap dan berfungsi dengan berkesan dalam menyokong pembangunan kepimpinan serta kebajikan pelajar di institusi.

SEKSYEN KHIDMAT PENGURUSAN DAN HAL EHWAL PELAJAR , PERDA-TECH

PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)			
BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR
1	Hebahan Pemilihan MPP	PE HEP PT (K) HEP	<pre> graph TD     Mula([Mula]) --&gt; Hebahan[Hebahan Pemilihan MPP]     Hebahan --&gt; Permohonan[Permohonan calon melalui google form]     Permohonan --&gt; Saringan[Saringan kelayakan calon (akademik &amp; disiplin)]     Saringan --&gt; Panggilan[Panggilan Temuduga Calon MPP]     Panggilan --&gt; Proses[Proses Temuduga Calon MPP]     Proses --&gt; Penilaian[Penilaian Calon MPP Oleh Panel Temuduga]     Penilaian --&gt; Pengesahan[Pengesahan Keputusan Calon Berjaya]     Pengesahan --&gt; Pengumuman[Pengumuman Calon Berjaya]     Pengumuman --&gt; Pelantikan[Pelantikan Rasmi Calon MPP]     Pelantikan --&gt; Tamat([Tamat])                     </pre>
2	Permohonan/Pencalonan Calon melalui google form	PE HEP PT (K) HEP	
3	Saringan Kelayakan (akademik & disiplin)	PP (HEP) PE / PT (K)	
4	Panggilan Temuduga	PE HEP PT (K) HEP	
5	Proses Temuduga	PE HEP PT (K) HEP	
6	Penilaian Panel Temuduga	PE (HEP) PT (K) HEP	
7	Pengesahan Keputusan Temuduga	PP (HEP) PE / PT (K)	
8	Pengumuman Calon Berjaya	PE HEP	
9	Pelantikan Rasmi MPP	PP (HEP) PE / PT (K)	
10	Tamat		

